AL-QANATIR
INTERNATIONAL JOURNAL OF ISLAMIC STUDIES
eISSN: 2289-9944
Vol. 35. No. 11. November Issue (2026)

AN ANALYSIS OF FA'IL IN IMAM AL-NAWAWI'S FORTY HADITH: A STUDY OF SENTENCE STRUCTURE

ANALISIS FA'IL DALAM HADIS 40 IMAM NAWAWI: KAJIAN TERHADAP STRUKTUR AYAT

Nur Afifah Fadzil[1] & 'Amilah Mohd Ali[2]

[i] (*Corresponding author*). Pensyarah, Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), Malaysia nurafifahfadzil@unisiraj.edu.my
[ii] Pelajar Siswazah, Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), Malaysia amilahali99@gmail.com

Article Progress
***Received**: 20 August 2026* ***Revised**: 10 September 2026* ***Accepted**: 30 September 2026*

Abstract

Hadith refers to the sayings, actions, and approvals of Prophet Muhammad (PBUH), which constitute the second most important source of reference after the Holy Qur'an. Since hadiths are transmitted in Arabic, proficiency in Arabic grammar is essential, particularly in understanding the subject (fa'il) in sentences, which may occur in the form of isim zahir and isim damir. This study aims to analyse all forms of fa'il found in the first 10 hadiths of Imam al-Nawawi's Forty Hadith. This qualitative study employs content analysis and documentation methods, with Imam al-Nawawi's Forty Hadith as the primary source. Data were collected by identifying and recording forms of fa'il in the matn of the hadiths, while referring to Arabic grammar books and relevant scholarly sources to ensure data accuracy. The collected data were subsequently analysed descriptively based on Arabic grammatical principles, particularly the forms and positions of fa'il in sentences. The findings show that the first 10 hadiths of Imam al-Nawawi's Forty Hadith contain a total of 105 fa'il, comprising 10 in the form of isim zahir and 95 in the form of isim damir. Of the 10 fa'il in the form of isim zahir, three are fa'il muakhkhar, while among the 95 fa'il in the form of isim damir, 72 are isim damir mustatir and 23 are isim damir muttasil. In addition, three instances were identified in which the fa'il is positioned after the maf'ul bih. The study also finds that not all hadiths contain a fa'il, as some hadiths contain fi'il majhul, resulting in the presence of only a na'ib fa'il without an explicit fa'il. These findings demonstrate that the use of fa'il in hadiths encompasses diverse forms that play an important role in determining the meaning and understanding of sentences.

Keywords: *Grammar, Fa'il, Source, Hadith, al-Nawawi.*

Abstrak

Hadis merupakan segala perkataan, perbuatan dan pengakuan Nabi Muhammad SAW yang menjadi sumber rujukan kedua terpenting selepas al-Quran al-Karim. Memandangkan hadis disampaikan dalam bahasa Arab, maka penguasaan ilmu tatabahasa Arab amat penting, khususnya perbahasan mengenai pelaku (fa'il) dalam sesebuah ayat yang terdiri daripada isim zahir dan isim damir. Kajian ini bertujuan menganalisis bentuk fa'il yang terdapat dalam 10 hadis terawal daripada Hadis 40 Imam Nawawi. Kajian ini

merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan dan dokumentasi, dengan Hadis 40 Imam al-Nawawi sebagai sumber utama. Data dikumpulkan dengan mengenal pasti dan merekod semua bentuk fa'il dalam matan hadis serta merujuk kitab-kitab nahu dan sumber ilmiah berkaitan bagi memastikan ketepatan data. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis secara deskriptif berdasarkan kaedah tatabahasa Arab, khususnya berkaitan bentuk dan kedudukan fa'il dalam ayat. Hasil kajian mendapati bahawa 10 hadis terawal dalam Hadis 40 Imam Nawawi mengandungi 105 fa'il secara keseluruhannya, iaitu 10 berbentuk isim zahir dan 95 berbentuk isim damir. Daripada 10 fa'il yang berbentuk isim zahir, tiga merupakan fa'il muakhkhar, manakala daripada 95 fa'il yang berbentuk isim damir, 72 ialah isim damir mustatir dan 23 ialah isim damir muttasil. Begitu juga terdapat tiga kedudukan fa'il yang muakkhar dari maf'ul bih. Kajian ini juga mendapati bahawa tidak semua hadis mengandungi fa'il kerana terdapat hadis yang mempunyai fi'il majhul sehingga hanya mempunyai na'ib fa'il tanpa kewujudan fa'il secara langsung. Dapatan ini membuktikan bahawa penggunaan fa'il dalam hadis mempunyai kepelbagaian bentuk yang memainkan peranan penting dalam menentukan makna dan kefahaman sesuatu ayat.

Kata Kunci: *Tatabahasa, Fa'il, Sumber, Hadis, Al-Nawawi*.

PENDAHULUAN

Penjelasan dan penerangan Rasulullah SAW adalah dengan perkataan, perbuatan atau taqrir (persetujuan) Baginda SAW terhadap perkataan dan perbuatan para sahabat, yang mana semuanya ini adalah diistilahkan dengan al-Sunnah atau hadith (Amran et al., 2020). Hadis merupakan sumber kedua dalam ajaran Islam selepas al-Quran yang memainkan peranan penting dalam menjelaskan hukum-hakam, akhlak serta panduan kehidupan umat Islam. Ini bertepatan dengan maksud firman Allah SWT dalam surah al-Nisa', ayat 59:
"…kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya".

Kedudukan hadis sebagai sumber kedua syariat Islam telah diakui oleh al-Quran, hadis itu sendiri dan juga ulama-ulama Islam dari masa lalu hingga kini. Kepentingannya tidak dapat dinafikan tanpa hadis manusia yang tidak dapat mengenali, memahami dan mengamalkan ajaran Allah yang terkandung dalam al-Quran. Perkembangan ilmu sentiasa berterusan daripada semasa ke semasa dan tidak akan terhenti sehinggalah berlakunya hari kiamat.

Manusia sentiasa memerlukan pengetahuan kerana dengan pengetahuan itu mereka akan menjadi lebih dekat satu sama lain dengan pencipta mereka (Amran et al., 2020). Salah satu karya yang penting dalam menghimpunkan prinsip-prinsip asas Islam ialah Hadis al-Arba'in al-Nawawiyyah yang disusun oleh Imam al-Nawawi. Koleksi yang mengandungi 42 hadis ini bukan sahaja menjadi sumber penting dalam pengajaran agama di pelbagai peringkat, bahkan turut dijadikan rujukan utama dalam memahami asas-asas syariah dan akhlak Islam.

Nasir et al. (2024) menegaskan bahawa hafalan dan pemahaman hadis al-Arba'in al-Nawawiyyah wajar diintegrasikan dalam kurikulum pengajian Islam di institusi pengajian tinggi kerana kandungannya yang sarat dengan nilai-nilai asas, hikmah serta elemen pedagogi Islam. Sehubungan itu, analisis terhadap hadis al-Arba'in al-Nawawiyyah perlu diperluaskan agar tidak hanya tertumpu pada aspek hukum semata-mata, sebaliknya merangkumi dimensi komunikasi dan pemikiran yang menjadi asas kepada kandungannya.

Melihat kepada pentingnya penekanan yang diberikan oleh para ulama terhadap kitab ini, maka keaslian dan ketepatan pemahaman terhadap hadis ini mestilah dititikberatkan kerana ia melibatkan penafsiran terhadap sabda Nabi SAW. Maka, kefahaman bahasa Arab yang tepat seperti ilmu nahu menjadi asas utama dalam memahami hadis secara menyeluruh.

Selain itu, elemen-elemen pemikiran kritis seperti analisis (*analysis*), inferens (*inference*) dan penilaian (*evaluation*) jelas dapat dikenal pasti dalam hadis-hadis pilihan imam al-Nawawi (Mohamed Radzi et al., 2025). Elemen-elemen tersebut selaras dengan kerangka pemikiran kritis kontemporari yang dihuraikan oleh Facione (2020), yang menekankan kepentingan refleksi berasaskan logik dan etika dalam proses membuat keputusan.

Oleh itu, hadis bukan sahaja berfungsi sebagai sumber hukum dan panduan kerohanian, malah turut berperanan sebagai instrumen pembangunan epistemologi Islam yang bersifat menyeluruh. Ilmu nahu merupakan salah satu bidang dalam tatabahasa bahasa Arab yang menumpukan kepada hubungan antara sesuatu perkataan dengan perkataan yang lain dalam sesebuah ayat.

Ilmu ini menyentuh beberapa aspek lain seperti kata yang merujuk kepada bilangan, jantina, struktur ayat seperti *taqdim, ta'khir* dan sebagainya (Hussin et al., 2016). Begitu juga kajian berkaitan peraturan dan susunan kata dalam sesuatu ayat terangkum dalam ilmu tatabahasa Arab yang juga merupakan satu cabang ilmu linguistik bahasa Arab (Wan Rohani et al., 2017).

Tujuan mempelajari ilmu nahu adalah untuk memelihara pertuturan daripada kesalahan dalam berbahasa Arab. Seseorang yang memahami ilmu nahu dengan baik akan mampu mengaplikasikannya dengan tersusun ketika berkomunikasi dalam bahasa Arab. Ilmu nahu atau tatabahasa Arab merupakan asas yang penting dalam penguasaan bahasa Arab kerana berperanan sebagai kunci untuk memahami al-Quran, hadis serta hukum-hukum syariah dengan tepat.

Penguasaan tatabahasa Arab juga menjadi landasan utama dalam memahami pelbagai cabang ilmu bahasa Arab. Matlamat pembelajaran tatabahasa adalah untuk mengelakkan kesilapan dalam pembacaan, penulisan dan pentafsiran makna sesuatu teks. Kesalahan dalam penggunaan tatabahasa boleh mengakibatkan perubahan atau ketidaktepatan makna yang ingin disampaikan (Abdul Hamid et al., 2023). Menurut Abdul Hamid et al. (2023), menguasai ilmu nahu juga merupakan satu keperluan bagi sesiapa yang ingin memahami Hadis Nabi SAW.

Justeru, penulisan ini memfokuskan kepada perbahasan mengenai fa'il, iaitu salah satu topik utama dalam ilmu nahu. Fa'il didefinisikan sebagai pelaku, iaitu individu yang melakukan atau menghasilkan sesuatu perbuatan atau yang tersifati dengan suatu keadaan. Fa'il boleh hadir dalam pelbagai bentuk, seperti kata nama khas dan adakalanya tidak dinyatakan secara langsung kerana tersembunyi dalam perkataan lain.

Cara untuk mengenal pasti fa'il adalah dengan memahami setiap bentuknya dan hal ini penting bagi menentukan pengisahan dalam sesuatu ayat. Oleh itu, penguasaan dalam mengenali fa'il perlu diberi perhatian agar dapat membantu meningkatkan kefahaman terhadap struktur bahasa serta makna yang terkandung dalam hadis. Variasi fa'il, seperti *isim zahir*, *damir* dan *isim mawsul*, menyumbang kepada pembentukan pelbagai nuansa makna, manakala penggunaan fa'il *muqaddar* memberi kesan pragmatik yang memperluas kemungkinan pentafsiran (Hadhrah, 2025).

PENYATAAN MASALAH

Kajian berkaitan Hadis 40 Imam al-Nawawi telah banyak dijalankan daripada pelbagai aspek seperti tafsir, syarah hadis dan tatabahasa Arab. Namun, berdasarkan kajian terdahulu, kajian yang memfokuskan analisis nahu hanya ditemukan dalam kajian Saman (2023) yang membincangkan makna nahu melalui aspek i'rab dan pembahagian unsur tatabahasa secara umum serta kajian oleh Ashsidiqqi et al. (2025) mengenai damir mustatir

yang terdapat dalam Hadis 40 Imam Nawawi tanpa memberikan penekanan khusus terhadap analisis fa'il.

Kelemahan penguasaan bahasa Arab secara keseluruhannya merupakan kesan daripada kegagalan memahami tatabahasa dengan baik (Syed Mohd Annas et al., 2017). Kesalahan dari aspek i'rab bahasa Arab boleh membawa kesan perubahan dari segi makna perkataan yang digunakan. Penggunaan bahasa Arab yang tidak dapat membezakan baris di hadapan untuk fa'il dan baris diatas untuk maf'ul sudah tentu akan membawa kesalahan dari segi memahami perkataan-perkataan yang digunakan sama ada melalui tulisan atau lisan (Ahmad Kilani, 2001).

Maka, kertas kerja ini mengemukakan analisis bentuk dan kedudukan fa'il dalam sepuluh hadis terawal Hadis 40 Imam al-Nawawi bagi mengisi kelompongan kajian sedia ada serta membantu meningkatkan pemahaman terhadap makna hadis melalui aspek nahu. Berdasarkan perbincangan tersebut, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti, menganalisis dan menghuraikan bentuk fa'il dalam sepuluh hadis terawal al-Arba'in al-Nawawiyyah.

Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih tepat terhadap aspek tatabahasa Arab, khususnya berkaitan konsep fa'il, di samping membantu pelajar atau sesiapa sahaja memahami struktur ayat serta makna hadis dengan lebih jelas. Selain itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pelajar, pendidik dan penyelidik dalam bidang bahasa Arab serta memperkukuh penguasaan ilmu nahu sebagai asas dalam memahami teks-teks Islam.

SOROTAN LITERATUR

Pelbagai kajian berkaitan Hadis 40 Imam al-Nawawi dan aspek nahu telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Namun, kebanyakan kajian hanya membincangkan aspek tatabahasa secara umum atau menumpukan kepada kepentingannya dalam memahami teks agama tanpa memberikan perhatian khusus terhadap analisis fa'il dalam Hadis 40 Imam al-Nawawi. Oleh itu, sorotan literatur dalam kajian ini memfokuskan kepada kajian-kajian terdahulu mengenai Hadis 40 Imam al-Nawawi, khususnya dalam aspek tatabahasa Arab.

Syed Kamarudin & Nasir (2026) menjalankan kajian berkaitan analisis fungsi makna ujaran al-Amr dalam al-Arba'in al-Nawawiyyah. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa ujaran al-Amr dalam al-Arba'in al-Nawawiyyah mengandungi pelbagai fungsi makna, antaranya al-Irshad, al-Iltimas, al-Tahdid dan al-Amr al-Haqiqi. Daripada keseluruhan fungsi tersebut, al-Irshad didapati merupakan fungsi yang paling dominan.

Selain itu, kajian ini turut mendapati bahawa penentuan fungsi makna ujaran al-Amr amat bergantung pada konteks situasi serta tujuan komunikasi yang ingin disampaikan oleh Rasulullah SAW. Nopandri et al. (2026) meneliti aspek retorik (balaghah) dalam hadis pertama al-Arba'in al-Nawawiyyah karya Imam al-Nawawi, iaitu hadis berkaitan niat. Menggunakan pendekatan deskriptif berasaskan linguistik dan teologi, kajian ini menganalisis struktur bahasa, pemilihan kata serta unsur retorik dalam teks hadis.

Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan partikel "*innama*" berfungsi sebagai unsur pembatas (*qasr*) yang menegaskan kepentingan niat, manakala bentuk jamak "*a'mal*" menggambarkan keluasan hukum. Keindahan susunan bahasa hadis ini mencerminkan kefasihan Nabi SAW dan menjadi asas kepada prinsip bahawa amalan bergantung kepada niat, sekali gus memberi implikasi dalam aspek etika, ibadah dan usul fiqh.

Kajian mengenai penggunaan serta jenis-jenis dhamir yang terdapat dalam teks Hadith 40 Imam al-Nawawi dijalankan oleh Ashsidiqqi et al. (2025). Hasil kajian mendapati bahawa terdapat sebanyak 279 damir mustatir, yang merangkumi *damir mustatir jāizan* dan wajiban dengan pelbagai bentuk seperti (هو، هي، أنا، أنت، نحن). Namun, kajian ini lebih menumpukan kepada analisis damir mustatir secara khusus dalam aspek nahu, tanpa memberi perhatian secara mendalam terhadap peranan subjek (fa'il) yang terzahir mahupun yang tersirat dalam struktur ayat.

Justiansyah (2025) dalam kajiannya Analisis al-Amr dalam Kitab Hadis Arba'in Karya Imam an-Nawawi meneliti bentuk ayat perintah dalam beberapa hadis terpilih. Kajian tersebut mendapati bahawa penggunaan fi'l al-Amr berperanan sebagai medium pendidikan dan dakwah. Walaupun kajian ini menunjukkan kepelbagaian tujuan penggunaan ujaran perintah, namun tidak memberi penekanan khusus terhadap analisis fungsi makna berdasarkan kerangka ilmu al-Ma'ani secara menyeluruh.

Penelitian bagi penggunaan gaya bahasa *ijaz* dan *itnab* dalam hadis-hadis Arba'in Nawawi dijalankan oleh Ramadhan et al. (2025). Dapatan menunjukkan bahawa kedua-dua gaya bahasa ini bukan sahaja memperindah penyampaian, malah berperanan dalam memperjelas mesej dakwah, mengukuhkan makna dan memudahkan pemahaman. *Ijaz* menghasilkan ungkapan yang ringkas tetapi padat makna, manakala *itnab* memberikan penjelasan serta penguatan terhadap sesuatu maksud. Kajian ini membuktikan kepentingan ilmu balaghah dalam memahami keindahan bahasa dan kedalaman makna hadis Nabi SAW.

Begitu juga Maulana dan Irawan (2025) mengkaji keindahan dan fungsi uslub majaz serta kinayah dalam teks hadis Nabi SAW. Dapatan menunjukkan bahawa majaz berperanan sebagai gaya bahasa simbolik yang membantu menjelaskan mesej moral dan spiritual, manakala kinayah menyampaikan makna tersirat melalui ungkapan kiasan yang halus. Kajian ini menegaskan bahawa penggunaan majaz dan kinayah mencerminkan keistimewaan bahasa Nabi SAW serta memerlukan pemahaman kontekstual bagi mengelakkan tafsiran literal yang kurang tepat.

Kajian Ahmad et al. (2025) meneliti pembangunan dan penggunaan papan permainan sebagai kaedah untuk meningkatkan pemahaman pelajar terhadap kosa kata Arab dalam konteks al-Arba'in al-Nawawiyyah. Melalui pendekatan *Systematic Literature Review* (SLR), kajian ini menilai keberkesanan kaedah gamifikasi dalam pembelajaran bahasa, khususnya dalam bidang pengajian Islam.

Dapatan menunjukkan bahawa gamifikasi berpotensi membantu penguasaan dan pemahaman kosa kata, terutama bagi pelajar bukan penutur asli dalam memahami teks agama yang kompleks. Kajian ini turut mencadangkan penggunaan permainan papan sebagai salah satu pendekatan inovatif dalam pendidikan Islam. Ahmad et al. (2025) turut menganalisis keperluan inovasi permainan pendidikan dalam pembelajaran Hadis 40 Imam Nawawi dalam kalangan pelajar di Ma'had at-Tarbiyah al-Islamiyah (MATRI), Perlis.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat keperluan yang jelas untuk membangunkan bahan pengajaran berasaskan permainan pendidikan bagi menyokong pembelajaran Hadis 40 Imam Nawawi. Pendekatan ini berpotensi meningkatkan minat, motivasi, serta tahap pemahaman pelajar terhadap kandungan hadis, sekali gus menjadikan proses pembelajaran lebih berkesan dan menarik.

Rozi (2025) menerapkan gabungan pendekatan tekstual dan kontekstual dalam kajiannya terhadap hadis-hadis berkaitan amar makruf dan nahi munkar dalam al-Arba'in al-Nawawiyyah. Kajian tersebut memberi penekanan terhadap maksud larangan serta penerapannya dalam konteks sosial dan dakwah. Walau bagaimanapun, fokus kajian lebih tertumpu kepada aspek pengaplikasian kandungan hadis berbanding penelitian terhadap fungsi makna ujaran perintah dari perspektif ilmu balaghah.

Mohamed Radzi et al. (2025) menjalankan sebuah analisis wacana pemikiran kritis dalam hadis al-Arba'in al-Nawawiyyah. Hasil kajian menunjukkan bahawa Nabi SAW menggunakan pelbagai strategi pertuturan seperti soal-jawab, pemberian analogi dan teguran yang mendorong para sahabat untuk berfikir secara kritis. Kajian ini merumuskan bahawa pertuturan Nabi SAW, sebagaimana yang terkandung dalam Hadis al-Arba'in al-Nawawiyyah, mempunyai nilai epistemologi dan pedagogi yang tinggi.

Oleh yang demikian, hadis-hadis tersebut wajar dijadikan sebagai asas dalam pembangunan kurikulum pendidikan Islam yang berteraskan pemikiran kritis bagi melahirkan generasi Muslim yang berkeupayaan berfikir secara rasional, matang dalam membuat pertimbangan, serta beretika dalam menghadapi cabaran dunia semasa yang semakin kompleks.

Zakaria (2024) menjalankan kajian mengenai penggunaan serta jenis-jenis fi'il mazid dalam teks Hadith 40. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa penggunaan fi'il mazid dalam hadis memainkan peranan penting dalam memperkayakan makna sesuatu ungkapan. Namun demikian, kajian ini lebih kepada penekanan ilmu sarf yang hanya melihat kepada bentuk wazan fi'il mazid semata-mata tanpa melibatkan ilmu nahu yang menerangkan keadaan setiap fa'il dalam sesebuah ayat yang terdapat dalam hadis.

Sementara itu, kajian Mohammad Dzulkifli dan Fajariyah (2024) meneliti gaya bahasa hadis melalui pendekatan stilistika dengan menganalisis aspek fonologi, morfologi dan semantik dalam hadis-hadis al-Arba'in al-Nawawiyyah. Seterusnya, Saman (2023) meneliti unsur-unsur tatabahasa dalam struktur ayat serta kepentingannya dalam hadis-hadis al-Arba'in al-Nawawiyyah.

Kajian ini menegaskan bahawa setiap unsur dan aspek tatabahasa mempunyai makna tersendiri yang berbeza, bukan sekadar susunan ungkapan tanpa tujuan. Perubahan bentuk ungkapan juga membawa perubahan makna tertentu. Oleh itu, penelitian ini memfokuskan kepada aspek-aspek makna tatabahasa yang terkandung dalam hadis al-Arba'in al-Nawawiyyah.

Wulandari & Muhid (2022) menunjukkan bahawa pendekatan linguistik dalam memahami hadis merupakan kaedah yang menggunakan analisis bahasa sebagai proses pentafsiran terhadap makna yang terkandung dalam hadis. Pendekatan ini dapat dilakukan melalui beberapa langkah, iaitu memahami perkataan yang sukar dalam riwayat bi al-ma'na, menggunakan ilmu Gharib al-Hadis, membezakan makna hakiki dan majazi, serta menelusuri asbab al-wurud hadis.

Demikian juga pada kajian Sufyan (2021) yang memfokuskan kepada analisis bentuk-bentuk kata kerja serta makna yang terkandung dalam Hadis 40. Beliau menjelaskan bahawa kata nama dan kata kerja merupakan asas pembentukan bahasa Arab. Kajian ini turut meneliti kepelbagaian bentuk fi'il sama ada *mujarrad* (asas) atau *mazid* (tambahan) serta bagaimana setiap bentuk tersebut membawa *dalālah* yang berbeza mengikut konteks.

Hassim dan Ahmad (2021) menganalisis aspek pengulangan dalam hadis "*Innama al-A'mal binniyat...*" daripada al-Arba'in al-Nawawiyyah bagi mengenal pasti jenis dan fungsinya. Kajian ini mendapati bahawa hadis tersebut mengandungi tiga bentuk pengulangan, iaitu pengulangan kata, frasa dan makna. Penggunaan pengulangan ini berfungsi sebagai unsur penegasan, menunjukkan keutamaan, memberi peringatan serta memudahkan pengingatan terhadap matan hadis.

Berdasarkan sorotan kajian terdahulu, pelbagai kajian dijalankan pada hadis 40 Imam Nawawi sama ada dari sudut makna, inovasi pendidikan, linguistik dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini hanya memfokuskan dan mengisi kelompangan pada aspek kajian fa'il dalam 10 hadis terawal tersebut dan membuat penelitian terhadap fa'il tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

1. Mengenalpasti fa'il dan pembahagiannya.
2. Menganalisis fa'il yang terdapat pada 10 hadis terawal dalam Hadith 40.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan. Data dikumpulkan melalui kaedah dokumentasi dengan menjadikan Hadis 40 Imam al-Nawawi sebagai sumber utama, khususnya pada sepuluh hadis terawal. Pengumpulan data dilakukan dengan mengenal pasti dan merekod semua bentuk fa'il yang terdapat dalam matan hadis, di samping merujuk kitab-kitab nahu serta sumber ilmiah yang berkaitan bagi memastikan ketepatan data.

Selain itu, kaedah analisis data secara deskriptif digunakan untuk menghuraikan data yang diperoleh. Analisis dijalankan berdasarkan prinsip i'rab dan kaedah ilmu nahu bagi mengenal pasti bentuk, kedudukan dan fungsi fa'il dalam setiap ayat hadis. Seterusnya,

data diklasifikasikan mengikut kategori seperti fa'il zahir dan fa'il mustatir bagi menjelaskan peranannya dalam ayat serta hubungannya dengan makna hadis, sekali gus mencapai objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN

Hadis 40 Imam Nawawi merupakan sebuah karya oleh Imam Yahya bin Sharaf al-Nawawi yang telah menghimpunkan 42 hadis. Sebahagian besar hadis yang dikumpulkannya terdapat di dalam kitab Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, terdapat 105 fa'il dengan bentuk yang berbeza pada 10 hadis terawal dalam Hadis 40 Imam Nawawi.

Daripada sepuluh hadis terawal yang dianalisis, didapati pada hadis ketiga tidak terdapat sebarang jenis fa'il kerana fi'il yang digunakan hanyalah fi'il majhul. Manakala pada hadis yang lain pula terdapat pelbagai bentuk fa'il dalamnya iaitu isim zahir, damir mustatir dan damir muttasil dengan jumlah yang berbeza setiapnya.

Jadual 1: Analisis Fa'il Dalam Hadis 40 Imam Nawawi

HADIS	BIL.	PERKATAAN	BENTUK FA'IL
Pertama: Setiap Amalan Berdasarkan Niat	1.	نَوَى	Damir Mustatir (هو) yang kembali kepada (امرئ)
	2.	يُصِيبُ	Damir Mustatir (هو) yang kembali kepada (امرئ)
	3.	يَنْكِحُ	Damir Mustatir (هو) yang kembali kepada (امرئ)
	4.	هَاجَرَ	Damir Mustatir (هو) yang kembali kepada (امرئ)
Kedua: Islam, Iman & Ihsan	5.	رَجُلٌ	Isim Zahir
	6.	أَحَدٌ	Isim Zahir (فاعل مؤخر)
	7.	جَلَسَ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada (رجل)
	8.	أَسْنَدَ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada (رجل)
	9.	وَضَعَ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada (رجل)
	10. – 16.	قَالَ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada (رجل)
	17. – 21.	أَخْبِرْنِي	Damir Mustatir (أنتَ)


	22.	رَسُولُ الله	Isim Zahir
	23.	تَشْهَدَ	Damir Mustatir (أنتَ)
	24.	تُقِيمَ	Damir Mustatir (أنتَ)
	25.	تُؤْتِيَ	Damir Mustatir (أنتَ)
	26.	تَصُومَ	Damir Mustatir (أنتَ)
	27.	تَحُجَّ	Damir Mustatir (أنتَ)
	28.	اسْتَطَعْتَ	Damir Muttasil (تاء الفاعل)
	29. – 30.	صَدَقْتَ	Damir Muttasil (تاء الفاعل)
	31.	عَجِبْنَا	Damir Muttasil (نا الفاعلين)
	32.	يَسْأَلُ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada (رجل)
	33.	يُصَدِّقُ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada (رجل)
	34. – 39.	قَالَ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada Rasulullah SAW
	40.	تُؤْمِنَ	Damir Mustatir (أنتَ)
	41.	تَعْبُدَ	Damir Mustatir (أنتَ)
	42. – 43.	تَرَاهُ	Damir Mustatir (أنتَ)
	44.	يَرَاكَ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada Allah SWT
	45.	الْأَمَةُ	Isim Zahir
	46.	تَرَى	Damir Mustatir (أنتَ)
	47.	يَتَطَاوَلُونَ	Damir Muttasil (واو الجماعة)
	48.	انْطَلَقَ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada (رجل)
	49.	لَبِثْتُ	Damir Muttasil

			(تاء الفاعل)
	50.	أَتَدْرِي	Damir Mustatir (أنتَ)
	51.	قُلْتُ	Damir Muttasil (تاء الفاعل)
	52.	أَتَا	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada (رجل) iaitu Jibril AS
	53.	يُعَلِّمُ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada (رجل) iaitu Jibril AS
Ketiga: Rukun Islam	–	–	–
Keempat: Kejadian Manusia	54.	يَنْفُخُ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada malaikat yang telah ditugaskan
	55. – 58.	يَعْمَلُ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada manusia yang akan diciptakan
	59. – 60.	الْكِتَابُ	Isim Zahir
	61. – 62.	يَدْخُلُ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada manusia yang akan diciptakan
Kelima: Perkara Baru Dalam Agama	63.	أَحْدَثَ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada manusia secara umum
	64.	عَمِلَ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada manusia secara umum
Keenam: Halal, Haram & Mutasyabihat	65.	كَثِيرٌ	Isim Zahir (فاعل مؤخر)
	66.	اتَّقَى	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada isim syarat (من)
	67.	اسْتَبْرَأَ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada isim syarat (من)
	68. – 69.	وَقَعَ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada isim syarat (من)
	70.	يَرْعَى	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada pengembala (الرَّاعِي)

	71.	يَرْتَعَ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada pengembala (الرَّاعِي)
	72.	صَلَحَتْ	Damir Mustatir (هي) yang merujuk kepada seketul darah (مُضْغَةً)
	73. – 74.	الْجَسَدُ	Isim Zahir
	75.	فَسَدَتْ	Damir Mustatir (هي) yang merujuk kepada seketul darah (مُضْغَةً)
Ketujuh: Agama Adalah Nasihat	76.	قُلْنَا	Damir Muttasil (نا الفاعلين)
	77.	قَالَ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada Rasulullah SAW
Kelapan: Kehormatan Seorang Muslim	78.	أُقَاتِلَ	Damir Mustatir (أنا)
	79.	يَشْهَدُوا	Damir Muttasil (واو الجماعة)
	80.	يُقِيمُوا	Damir Muttasil (واو الجماعة)
	81.	يُؤْتُوا	Damir Muttasil (واو الجماعة)
	82.	فَعَلُوا	Damir Muttasil (واو الجماعة)
	83.	عَصَمُوا	Damir Muttasil (واو الجماعة)
	84.	تَعَالَى	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada Allah SWT
Kesembilan: Larangan Mempertikaikan Nabi Saw	85.	نَهَيْتُ	Damir Muttasil (تاء الفاعل)
	86.	اجْتَنِبُوهُ	Damir Muttasil (واو الجماعة)
	87.	أَمَرْتُ	Damir Muttasil (تاء الفاعل)
	88.	أْتُوا	Damir Muttasil (واو الجماعة)
	89.	اسْتَطَعْتُم	Damir Muttasil (تاء الفاعل)


	90.	كَثْرَةُ	Isim Zahir (فاعل مؤخر)
Kesepuluh: Syarat Doa Diterima	91.	يَقْبَلُ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada Allah SWT
	92. – 93.	أَمَرَ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada Allah SWT
	94. – 95.	قَالَ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada Allah SWT
	96. – 97.	تَعَالَى	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada Allah SWT
	98. – 99.	كُلُوا	Damir Muttasil (واو الجماعة)
	100.	اعْمَلُوا	Damir Muttasil (واو الجماعة)
	101.	آمَنُوا	Damir Muttasil (واو الجماعة)
	102.	رَزَقْنَا	Damir Muttasil (نا الفاعلين)
	103.	ذَكَرَ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada Rasulullah SAW
	104.	يُطِيلُ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada (الرَّجُلَ)
	105.	يَمُدُّ	Damir Mustatir (هو) yang merujuk kepada (الرَّجُلَ)

Carta pai di bawah merupakan rumusan bagi dapatan analisis fa'il mengikut bentuknya yang terdapat pada 10 hadis terawal dalam Hadis 40 Imam al-Nawawi:



Rajah 1: Taburan Bentuk Fa'il Pada 10 Hadith Terawal
Dalam Hadith 40 Imam Nawawi

Berdasarkan carta pai di atas, bentuk fa'il damir mustatir merupakan bentuk fa'il yang paling dominan dengan jumlah sebanyak 72 daripada keseluruhan 105 fa'il yang dikenal pasti. Seterusnya, diikuti oleh fa'il bentuk damir muttasil dengan jumlah sebanyak 23. Manakala, fa'il dalam bentuk isim zahir merupakan bentuk yang paling sedikit digunakan, iaitu hanya sebanyak 10 dalam keseluruhan 10 hadis terawal daripada Hadis 40 Imam Nawawi. Dari aspek susunan fail dalam hadis-hadis tersebut, terdapat tiga fa'il yang berada pada posisi takhir (مؤخر) iaitu pada hadis 2, 6 dan 9.



Rajah 2: Jumlah Fa'il pada 10 Hadith Terawal Dalam Hadith 40 Imam Nawawi

Berdasarkan carta bar di atas, setiap hadis mempunyai bentuk fa'il yang berbeza. Bentuk fa'il damir mustatir didapati kewujudannya di dalam setiap hadis kecuali pada hadis ke-3 yang sememangnya tidak terdapat sebarang jenis fa'il dan juga pada hadis ke-9 sahaja. Manakala bentuk fa'il damir muttasil pula hanya ditemui pada hadis ke-2, 7, 8, 9 dan 10. Sedangkan bentuk fa'il isim zahir pula hanya didapati pada hadis ke-2, 4, 6 dan 9.

PENUTUP

Fa'il merupakan salah satu daripada komponen utama dan terpenting dalam ilmu Nahu kerana ia berfungsi sebagai penentu pelaku bagi sesuatu perbuatan dalam struktur ayat bahasa Arab.

Analisis yang dijalankan terhadap sepuluh hadis terawal dalam Hadis 40 Imam Nawawi membuktikan kepentingan ini apabila hampir kesemua hadis mengandungi fa'il dalam pelbagai bentuk, manakala ketiadaannya hanya berlaku dalam struktur fi'il majhul yang mempunyai na'ib fa'il. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penguasaan yang mendalam mengenai pembahagian fa'il, sama ada isim zahir mahupun damir, adalah penting bagi memastikan kefahaman maksud hadis yang tepat dan mengelakkan kekeliruan makna.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin dan semua pihak yang telah memberikan sumbangan dalam menjayakan penulisan ini.

RUJUKAN

Abdul Hamid, M. F., Halim, Z. A., & Yahaya, M. F. 2023.Kepentingan Ilmu Nahu dalam Memahami Teks Syarak [The Importance of The Science of Grammar (Ilmu Nahwu) in Understanding Syariah Texts].Malaysian Journal for Islamic Studies 7(2):87-94https://journal.unisza.edu.my/mjis/index.php/mjis/article/view/230

Ahmad, M. A., Zamziba, M. N. F., Ahmad, H., Ku Yaacob, K. M. S. K., & Jannah, R. (2025). Analisis Selidik Keperluan Inovasi Permainan Pendidikan Berkaitan Pembelajaran Hadis 40 Imam Nawawi. International Journal of Modern Education, 7 (25), 76-91. DOI: 10.35631/1JMOE. 725006

Ahmad, M. A., Zamziba , M. N. F., Ahmad , H. ., & Ku Yaacob , K. M. S. (2025). Enhancing Prophetic Arabic Vocabulary for Understanding Al-Arba'in Al-Nawawiyah through Board Game: A Systematic Literature Review. International Journal of Language Education and Applied Linguistics, 15(1), 16-25. https://doi.org/10.15282/ijleal.v15i1.11228

Amran Abdul Halim, Abdulloh Salaeh, Walid Mohd Said, Syed Najihuddin Syed Hassan, Nidzamuddin Zakaria, Mohd Fauzi Mohd Amin, Amiruddin Mohd Sobali. (2020) . Pemahaman Hadith Dalam Kalangan Masyarakat Di Malaysia: Kajian Dalam Media Sosial Di Malaysia. Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020 https://oarep.usim.edu.my/entities/publication/951ccdbe-f220-4cbe-9369-448cf9823f27

Ashsidiqqi H., Sopian Sinaga, Indra (2025) Ad-Dhamā'ir al-Mustatirah fī Aḥādīth al-Arba'īn al-Nawawiyyah: Dirāsah Taḥlīliyyah Naḥwiyyah. Cendekia Inovatif Dan Berbudaya : Jurnal Ilmu Sosial Dan Humaniora Vol. 2 No. 4 (2025) https://doi.org/10.59996/cendib.v2i4.739

Dzulkifli, M., & Fajariyah, L. (2024). Stilistika hadis: Analisis al-Mustawayat al-Uslūbiyyah pada hadis-hadis Arba'in Nawawi. Diwan: Jurnal Bahasa dan Sastra Arab, 16(2), 161 183. https://rjfahuinib.org/index.php/diwan/article/view/1515

Facione, P. A. (2020). Critical thinking: What it is and why it counts (2020 update). Hermosa Beach, CA: Measured Reasons LLC. Insight Assessment.

Hadhrah, H. (2025). Peranan Fa'il dalam Pembentukan Makna Jumlah Fi'liyyah. Journal of Innovative and Creativity (Joecy), 5(2), 12066–12076. https://doi.org/10.31004/joecy.v5i2.1874

Hassim, N.A & Ahmad, A.D. (2021). Repetition in hadis: focus on the hadith "innama al-a'mal binniyat ..." Repetisi dalam hadis: Tumpuan terhadap hadis "innama al-a'mal binniyat..." Jurnal al-Sirat , 19 (II) https://doi.org/10.64398/alsirat.v19i2.135

Husna, (2003). Kitab I'rab al-Arba'in Haditsan an-Nawawiyah. Al-Qaherah: Muassasah al-Mukhtar.

Husin, Z., Mustapha, N. F., Mezah, C. R., Toklubok@Hajimaming, P., & Abd Rahim, N. (2016). Kepentingan Nahu Arab dalam Menghafaz al-Quran. GEMA Online® Journal of Language Studies, 16(2), 95–110. https://doi.org/10.17576/gema-2016-1602-06

Justiansyah, M. J. (2023). Analisis al-Amr dalam Kitab Ḥadith Arbaʿin karya Imam al-Nawawi Tesis sarjana, Universitas Islam Negeri Datokarama Palu, Indonesia. https://repository.uindatokarama.ac.id/id/eprint/4040/1/JUSTIANSYAH%20MUHAMMAD%20JUSUF%20-%20ANALISIS%20AL-AMR%20DALAM%20KITAB%20HADITS%20%20ARBA'IN%20KARYA%20IMAM%20AN-NAMA.pdf

Al-Khatib al-Baghdadi, Ahmad bin Ali. (1996). Al-Fagih wa al-Mutafaggih. Dammam: Dar Ibn al-Jawzi.

Maulana, M. R., & Irawan, Y. P. (2025). Membedah Keindahan Uslub Majaz dan Kinayah dalam Hadits. AL-I'ROBY: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab Dan Kebahasaaraban, 2(2), 97–113. https://doi.org/10.33752/jbai.v2i2.10139

Mohamed Radzi, H.M., Mhd Ramli, M.F. & Ab Latif, M.N.F. (2025). Analisis Wacana Pemikiran Kritis Dalam Hadis Arbaʿin al-Nawawiyyah [Discourse Analysis of Critical Thinking in al-Nawawi ʿs Forty Hadith] Journal Hadis Vol. 15, No. 30 (December 2025) https://hadis.uis.edu.my/index.php/inhad/article/download/280/157

Mohd. Muhiden Abd. Rahman. 1996. Al-Hadith: Kedudukan dan Peranannya dalam Islam. Jurnal Usuluddin. https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol4.3

Nasir, K., Adnan. I., Ahmad, K.A., Ibrahim, M.N.A, & Abdullah, M.A. (2024). Keperluan Hafalan Kitab Hadith 40 Imam Al-Nawawi Dalam Kurikulum Pengajian Islam di IPT Malaysia: Satu Kajian Awal. HADIS, 14(28), 60-70. https://doi.org/10.53840/hadis.v14i28.270

Nopandri, R., Rahmadani, M., & Ali , N. (2026). Analisis balaghah terhadap hadis niat dalam Arba'in Nawawi:Kajian struktur bahasa dan implikasi teologis. Dirayah: Jurnal Ilmu Hadis 6(2). https://doi.org/10.62359/dirayah.v6i02.1220

Ramadhan, N.B.K., Harvina, M. J. & Rahman. (2025) Estetika bahasa arab dalam hadis:Kajian balaghah terhadap ijaz dan ithnab pada kitab hadits Arbain Nawawi. Jurnal Media Akademik 3(6). https://jurnal.mediaakademik.com/index.php/jma/article/view/2415/1914

Rozi, M. S., & Imamuddin, B. (2025). Analisis tekstual dan kontekstual hadis tentang mengubah kemunkaran dalam Hadis Arbaʿin karya Imam al-Nawawi. Multikultura, 4(1), 18-30. https://scholarhub.ui.ac.id/multikultura/vol4/iss1/6

Samad. H (2023). Al-Dalālah Al-Naḥwiyyah Fī Aḥādīth Al-Arbaʿīn Al-Nawawiyyah. https://asjp.cerist.dz/en/article/211546

Sufyan (2021). Abniyat Al-Afʿāl Wa Dalālātuhā Fī Aḥādīth Matn Al-Arbaʿīn Al-Nawawiyyah. Majallah Ulum al-Lughah al-Arabiyyah wa Adabiha. 13(1). https://asjp.cerist.dz/en/article/146967

Syed Kamaruddin, S.M.F., & Nasir. M.S. (2026). Analisis Fungsi Makna Ujaran al-Amr dalam al Arba'in al-Nawawiyyah [The Semantic Functions of Imperative Expressions (al-Amr) in al-Arba'in al-Nawawiyyah]. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences 9(1): 105-117. https://www.bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/818

Wulandari, S., & Muhid. (2022). Pemahaman terhadap hadis dengan pendekatan linguistic. UNIVERSUM: Jurnal Keislaman Dan Kebudayaan, 16(2), 1–23. https://doi.org/10.30762/universum.v16i2.285

Zakaria. H. (2024). Fi'il Mazid Dalam Hadith 40. Perlis. Laporan Projek Akhir, Kolej Universiti Islam Perlis.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel in